

Peguam : DBKL ada kuasa gubal undang-undang kecil

SEMENTARA itu, seorang peguam, Khairul Naim Rafidi berkata, asasnya punca kuasa bagi kawasan parkir kereta persendirian di ibu kota adalah datang daripada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Beliau menjelaskan melalui Akta 171, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai kuasa untuk membuat satu undang-undang kecil.

Menurutnya, bagi kawasan parkir persendirian, undang-undang kecil yang terpakai adalah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Wilayah Persekutuan) 1982.

"Undang-undang ini menyebut bahawa mana-mana individu yang ingin mengendalikan kawasan parkir kereta

persendirian hendaklah memiliki lesen yang sah. Kuasa untuk memberikan lesen tersebut adalah jatuh di bawah budi-bicara Datuk Bandar.

"Jika dirujuk kepada undang-undang kecil tersebut adalah jelas bahawa Datuk Bandar boleh bagi maksud pelarasan caj parkir kereta untuk sesuatu kawasan menentukan caj parkir kereta bagi kawasan persendirian tersebut," ujar beliau.

Dalam maksud mudah, jelasnya, pemegang lesen kawasan parkir kereta persendirian mesti patuh dengan caj ditentukan oleh Datuk Bandar dan terdapat beberapa langkah boleh diambil



KHAIRUL NAIM

kerajaan bagi menangani isu ini.

"Pertama sekali, Datuk Bandar boleh menggunakan kuasa budi bicaranya untuk menyelaraskan caj parkir kereta murah, munasabah dan berpatutan ketika musim perayaan.

"Saya fikir perkara ini boleh dilakukan bagi meringankan beban rakyat terutamanya ketika rakyat sedang

sibuk dengan persiapan menjelang perayaan bakal tiba tidak lama lagi," ujarnya.

Beliau yang juga merupakan Ketua Biro Undang-Undang Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor menambah,

rakyat tidak seharusnya dibebankan dengan kos seperti ini.

"Kedua, pemantauan juga boleh dilakukan terhadap kawasan parkir persendirian yang ingin mengambil kesempatan dengan mengenakan caj yang berlebihan.

"Harus diingatkan bahawa pihak DBKL melalui Datuk Bandar mempunyai kuasa untuk membatalkan lesen parkir persendirian seandainya mereka tidak patuh kepada arahan yang telah ditetapkan," dedahnya.

Selain itu, beliau berkata, antara langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh pihak DBKL ialah mengadakan sesi perbincangan dengan semua pemegang lesen bagi menentukan caj yang berpatutan.